



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/2 JLD.3/(67)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 4/2022

**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN
TAHUN 2022**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri melalui kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 54 ke bawah. Bantuan Khas Kewangan ini adalah bagi menghargai sumbangan dan sebagai suntikan semangat kepada penjawat awam negeri untuk berusaha lebih gigih demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Bayaran Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan sebanyak RM250.00.

PELAKSANAAN

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 **layak** diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 54 ke bawah yang masih berkhidmat pada 25 April 2022 seperti yang berikut:

- 3.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service* (COS);
- 3.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 3.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 3.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 3.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

4. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 sebanyak RM500.00 turut dipanjangkan kepada :

- 4.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang tempoh kontraknya masih berkuatkuasa pada 25 April 2022;
- 4.2 Pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
- 4.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

PESARA

5. Pesara Kerajaan yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan **pada atau sebelum 25 April 2022** akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

6. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 25 April 2022 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bakinya akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 25 April 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 sebanyak RM500.00

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

8. Pegawai yang **tidak layak** diberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 adalah:

- 8.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas;

- 8.2 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022;
- 8.3 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022;
- 8.4 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022; dan
- 8.5 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun yang diasingkan saraannya.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan **ditangguhkan** pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 sehingga Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

TARIKH PEMBAYARAN

10. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 ini akan dibayar serentak dengan pembayaran gaji bulan April 2022.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

11. Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Kaamatan Tahun 2022 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



[**DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP**]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 14 April 2022

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

s.k.: Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8,9,10 dan 11, Blok A
Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil